

15/09/1998

Program pengampunan bukan untuk semua

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Rakyat asing yang masuk ke negara ini selepas 31 Ogos lalu dan tinggal melebihi tempoh ditetapkan, tidak boleh menggunakan keistimewaan program pengampunan untuk pulang ke negara masing-masing.

Pegawai Perhubungan Awam Imigresen, Mohd Sabri Zainal, berkata pihaknya perlu menjelaskan perkara itu kerana ada kekeliruan di kalangan rakyat asing berhubung program berkenaan.

Program pengampunan selama tempoh dua bulan, bermula 31 Ogos lalu hingga 31 Oktober depan, dikhaskan kepada pendatang tanpa izin yang berada di Malaysia sebelum 31 Ogos lalu dan mereka tidak akan dikenakan sebarang tindakan.

Sehubungan itu, katanya, rakyat asing yang masuk ke negara ini selepas tarikh itu dan tinggal melebihi tempoh, bukan sahaja tidak boleh pulang menerusi program itu tetapi juga dikenakan tindakan.

"Kami menyedari ramai rakyat asing datang ke negara ini selepas tempoh itu, termasuk untuk menyaksi temasya sukan kedua terbesar di dunia, Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98).

"Apabila berada di negara ini, kemungkinan ada rakyat asing tidak terus pulang walaupun pas lawatan tamat, sebaliknya mengambil kesempatan tinggal lebih lama dan berharap menggunakan program pengampunan untuk pulang.

"Kita memberi amaran keras, golongan ini akan dikenakan tindakan dan mereka tidak dibenarkan pulang menerusi program pengampunan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Bulan lalu, Kementerian Dalam Negeri mengadakan program pengampunan selama dua bulan bagi membolehkan pendatang asing tanpa izin di negara ini pulang ke negara asal masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri, membuat keputusan itu atas perakuan Jabatan Imigresen dan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41.

Pendatang asing tanpa izin yang menerima tawaran pengampunan dimesti menguruskan dokumen perjalanan masing-masing dan semua perwakilan asing yang terbabit perlu memberi kerjasama mengeluarkan dokumen perjalanan kepada warga negara mereka.

Berikutan pelaksanaan program itu, kira-kira 300,000 pendatang tanpa izin dijangka pulang ke negara masing-masing.

Mengikut Seksyen 15 (4) Akta Imigresen, rakyat asing yang tinggal melebihi tempoh dibenarkan (kurang daripada 30 hari), akan dikompaun RM30 sehari. Jika tinggal melebihi satu bulan hingga enam bulan akan dikompaun RM1,000.

Mohd Sabri berkata, tempoh dua bulan diberikan bagi membolehkan pendatang tanpa izin menguruskan dokumen perjalanan dengan kedutaan dan perwakilan masing-masing serta tiket penerbangan dan pelayaran.

Justeru, beliau mengingatkan pendatang tanpa izin supaya tidak menunggu saat-saat akhir untuk berbuat demikian dan mengambil kesempatan bekerja secara haram.

"Kami memberi masa dua bulan supaya mereka boleh menguruskan dokumen dan perjalanan pulang bukannya bekerja. Mana-mana pendatang tanpa izin yang didapati bekerja akan ditahan dan dikenakan tindakan," katanya.

(END)